

**NO. SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULA SEGARAN A/L V.  
MURUGESON**

**TARIKH : 28 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9673**

**SOALAN:**

**Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [ Ipoh Barat ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) jumlah kematian tahanan dalam penjagaan polis sejak tahun 2000 dan sebab-sebab kematian dan adakah mana-mana pihak pegawai polis yang dikenakan tindakan tatatertib akibat kematian di bawah tahanan polis; dan

(b) berapa jumlah banduan tercedera semasa ditahan di penjara dan lokap polis.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.**

**Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara pada tahun 2000 sehingga 2016 mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:-**

BIL	TAHUN	P	L	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	W. ASING	JUMLAH
1	2000	1	9	3	4	1	1	1	10
2	2001	2	15	5	8	2	0	2	17
3	2002	2	16	9	3	5	0	1	18
4	2003	0	32	14	6	10	0	2	32
5	2004	0	24	14	5	2	1	2	24
6	2005	0	18	9	2	4	1	2	18
7	2006	2	15	8	2	4	1	2	17
8	2007	0	19	9	3	3	2	2	19
9	2008	0	12	4	4	1	1	2	12
10	2009	0	7	1	2	4	0	0	7
11	2010	0	9	5	1	3	0	0	9
12	2011	0	17	11	3	1	0	2	17
13	2012	2	17	4	4	6	2	3	19
14	2013	2	18	3	5	5	0	7	20
15	2014	0	18	6	4	6	0	2	18
16	2015	0	12	6	1	2	0	3	12
17	2016	0	15	6	2	4	0	3	15
<b>JUMLAH</b>		<b>11</b>	<b>273</b>	<b>117</b>	<b>59</b>	<b>63</b>	<b>9</b>	<b>36</b>	<b>284</b>

**Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara pada tahun 2000 sehingga 2016 mengikut punca kematian adalah seperti berikut:-**

BIL	PUNCA KEMATIAN	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	JUMLAH
1	HIV	1	2	7	9	8	3	2	2	0	34
2	SAKIT ASMA	0	0	3	0	1	0	0	0	0	4
3	SAKIT JANTUNG	1	2	1	0	1	2	0	2	2	11
4	LAIN-LAIN PENYAKIT ( USUS,HATI,KUNING, ULSER,PARU-PARU, KERONGKONG )	4	6	4	18	12	8	10	11	8	81
5	PENDARAHAN DI OTAK	1	2	0	3	1	1	3	3	0	14
6	GANTUNG DIRI	3	5	2	1	1	4	2	1	2	21
7	GADUH SESAMA OKT	0	0	1	1	0	0	0	0	0	2
8	DICEDERAKAN POLIS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		10	17	18	32	24	18	17	19	12	167

BIL	PUNCA KEMATIAN	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
1	HIV	0	0	0	0	1	1	0	0	2
2	SAKIT ASMA	1	0	0	0	0	0	1	1	3
3	SAKIT JANTUNG	0	3	1	2	1	2	1	2	12
4	LAIN-LAIN PENYAKIT ( USUS,HATI,KUNING, ULSER,PARU-PARU, KERONGKONG )	3	5	15	13	15	15	10	9	85
5	PENDARAHAN DI OTAK	0	0	0	0	0	0	0	2	2
6	GANTUNG DIRI	2	1	1	4	2	0	0	1	11
7	GADUH SESAMA OKT	0	0	0	0	0	0	0	0	0
8	DICEDERAKAN POLIS	1	0	0	0	1	0	0	0	2
JUMLAH		7	9	17	19	20	18	12	15	117

**Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara pada tahun 2000 sehingga 2016 mengikut tindakan yang diambil adalah seperti berikut:-**

BIL	TAHUN	DAKWA	MASIH INKUES	SELESAI INKUES	TIADA INKUES OLEH MAJISTRET	RUJUK DPP	RUJUK MAJIS TRET	DALAM SIASATAN	NFA	JUM
1	2000	0	0	3	7	0	0	0	0	10
2	2001	1 (DNAA)	0	7	9	0	0	0	0	17
3	2002	0	0	9	9	0	0	0	0	18
4	2003	0	0	16	14	0	1	1	0	32
5	2004	0	0	14	10	0	0	0	0	24
6	2005	1 (304(b) (A&D))	2	4	11	0	0	0	0	18
7	2006	1(JATUH HUKUM)	0	6	10	0	0	0	0	17
8	2007	0	0	5	11	3	0	0	0	19
9	2008	0	0	7	5	0	0	0	0	12
10	2009	1(JATUH HUKUM)	1	2	3	0	0	0	0	7
11	2010	0	0	2	3	2	2	0	0	9
12	2011	0	1	4	8	2	2	0	0	17
13	2012	0	0	8	6	2	3	0	0	19
14	2013	1 (A&D)	3	3	3	6	2	2	0	20
15	2014	0	2	2	1	9	2	2	0	18
16	2015	0	0	0	0	2	3	7	0	12
17	2016	2	2	0	0	0	0	10	1	15
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>	<b>11</b>	<b>92</b>	<b>110</b>	<b>26</b>	<b>15</b>	<b>22</b>	<b>1</b>	<b>284</b>

**\*\* Nota : Acquittal and Discharge (A&D)**

**Bagi menjawab soalan (b), statistik Jabatan Penjara menunjukkan jumlah banduan yang cedera semasa ditahan dari tahun 2010 hingga Februari 2017 adalah seramai 131 orang. Kecederaan yang dialami disebabkan kecuaiian sendiri semasa bekerja atau terjatuh. Semua kes kecederaan akan dirujuk kepada doktor di hospital Kerajaan untuk mendapatkan rawatan seperti mana yang ditetapkan dalam *Standard Operating Procedure (SOP)* Jabatan Penjara.**